



**KWAP**  
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)  
RETIREMENT FUND INCORPORATED

# Menjamin Persaraan Anda

*Assuring Your Pension*

Laporan Tahunan | 2007  
Annual Report





### **Rasional**

Konsep muka depan Laporan Tahunan ini menggambarkan ketenangan, keyakinan dan jaminan kewangan yang boleh dinikmati pesara apabila mereka mencapai usia persaraan dan selanjutnya. Jaminan yang diberi bukan sekadar jaminan kewangan sahaja, malah ia juga menyentuh segala aspek yang menyumbang kepada kehidupan berkualiti supaya mereka boleh menikmati masa depan yang terjamin dan selesa.

## Maklumat Kewangan Tahun 2007

Saiz Dana pada 1 Mac 2007 **RM41.94 bilion**

Saiz Dana pada 31 Dis 2007 **RM48.13 bilion**

Pendapatan Kasar **RM3.77 bilion**

Pendapatan Bersih **RM3.72 bilion**

Pendapatan Kasar Pelaburan **RM3.75 bilion**

Kadar Pulangan Pelaburan (ROI) (10 bulan) **8.37%**

Jumlah Perbelanjaan **RM48.06 juta**

Jumlah Caruman Diterima **RM2.47 bilion**

Bilangan Majikan Pencarum **475**

Bilangan Ahli **104,081**

Bilangan Kakitangan KWAP **93**

Pendapatan Setiap Kakitangan **RM40.51 juta**

Nisbah Perbelanjaan Ke Atas Pendapatan Kasar **1.28%**

Nisbah Perbelanjaan Ke Atas Purata Dana **0.11%**

## Dana Yang Berkat

Usia tua sesantainya angin nyaman yang sihat,  
renyai hayat anugerah Tuhan yang teramat nikmat.

Kini kita maruahi lagi sejarah kebajikan,  
menyemainya dengan benih jerih perih pendapatan  
agar usia tua akan waras terpelihara:  
damai di tangan, nikmat di hati dan indah di mata.

Dan tarikh lahirnya badan dana yang amat bertuah -  
Mac - kini bulan yang molek, cahaya manis sejarah;  
dengan wang dirancang untuk ranum ke usia sarat  
peluh jujur rezeki subur mengisi dana berkat.

Sopan di tangan, jernih di mata dan santun di kalbu,  
peranum labur jimat tercermat yang mengembang gebu.  
Diurus tangan canggih amanah yang tulus berhemah  
sehingga pepohon rezeki sempat merimbun buah.

Tulus petugas setia serasi bakti pekerja  
ringani bahu pentadbir, suburi harta pesara,  
alir pencen sumber harta yang luhur sepanjang hayat  
tersimbah tuahnya ke yatim diri, ke badan sihat.

Dengan tekun berilmu, tindakan yang bersanubari,  
yakini dipasti taman labur terindah harum ini.

**A. Samad Said**

5-15, Februari, 2007

## Objektif *Objective*

Objektif Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) adalah untuk mengurus dana persaraan ke arah mencapai pulangan optimum ke atas pelaburannya. Pendapatan yang dijana oleh Kumpulan Wang Persaraan tersebut akan digunakan untuk membantu Kerajaan Persekutuan membiayai tanggungan pensyen negara.

*The objective of Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) is to manage the Retirement Fund towards achieving optimum returns on its investments. Income generated by the Retirement Fund will be utilized to assist the Federal Government in financing the country's pension liability.*

## Fungsi *Functions*

Fungsi-fungsi Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) adalah seperti berikut:

- Pengurusan caruman daripada Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi-agensi lain; dan
- Pengurusan dan pelaburan dana persaraan dalam bentuk ekuiti, sekuriti pendapatan tetap, instrumen pasaran matawang dan bentuk-bentuk pelaburan lain sebagaimana yang dibenarkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) 2007 (Akta 662).

*The functions of Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) are as follows:*

- *Management of contributions from the Federal Government, Statutory Bodies, Local Authorities and other Agencies; and*
- *Management and investment of the Retirement Fund in equity, fixed income securities, money market instruments and other forms of investments as permitted under the Retirement Fund Act 2007 (Act 662).*

## Nilai Korporat *Corporate Values*

Integriti  
*Integrity*

Ketelusan  
*Transparency*


Profesionalisme  
*Professionalism*

Keberuntungan  
*Profitability*

Pembelajaran Berterusan  
*Continuous Learning*

# Menjamin Persaraan Anda

*Assuring Your Pension*





# Kandungan

|                                       |    |                                         |    |
|---------------------------------------|----|-----------------------------------------|----|
| <b>Maklumat Korporat</b>              |    | <b>Laporan Ketua Pegawai Eksekutif</b>  | 26 |
| Lembaga Pengarah / Board of Directors | 6  | Tinjauan Operasi                        | 27 |
| Panel Pelaburan / Investment Panels   | 14 | Maklumat Penting Kewangan               | 28 |
| Jawatankuasa Audit dan                |    |                                         |    |
| Jawatankuasa Pengurusan Risiko        | 17 | <b>Penyataan Tadbir Urus Korporat</b>   | 34 |
| Pengurusan Kanan / Senior Management  | 18 |                                         |    |
| Carta Organisasi                      | 19 | <b>Diari Korporat / Corporate Diary</b> | 40 |
| <b>Perutusan Pengerusi</b>            | 22 | <b>Penyata Kewangan</b>                 | 44 |

## Lembaga Pengarah / Board of Directors



Dari kiri ke kanan / from left to right

**Dato' Siow Kim Lun**

**Datuk Idrus Bin Harun**

**Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah**

**Tan Sri Ismail Bin Adam**

**Dato' Mohd. Salleh Bin Mahmud**



Dari kiri ke kanan / from left to right

**Dato' Muhammad Bin Ibrahim**  
**Dato' Mohd. Izzaddin Bin Idris**  
**Puan Azian Binti Mohd Noh**  
**Dato' Ibrahim Mahaludin Bin Puteh**  
**Tuan Haji Omar Bin Haji Osman**  
**Dato' V. Danapalan**

## Lembaga Pengarah

### **Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah**

KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN

PENGERUSI

Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah KWAP pada 1 Mac 2007. Beliau kini menyandang jawatan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Beliau turut menganggotai Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Malaysian International Shipping Corporation Berhad, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Malaysian Airline System Berhad, Petroliaam Nasional Berhad, Malaysian Industry-Government Group for High Technology, Majlis Pembangunan Modal Teroka Malaysia, Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd., Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd., Pembinaan BLT Sdn. Bhd., Cyberview Sdn. Bhd., Kuala Lumpur International Airport Berhad, Syarikat Tanah & Harta Sdn. Bhd., Piramid Pertama Sdn. Bhd., Aroma Teraju Sdn. Bhd., Lembaga Pengurusan Aset Air Berhad, Pelaburan Hartanah Bumiputera Berhad, Pembinaan PFI Sdn. Bhd. dan Bank Negara Malaysia. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dalam Ekonomi Gunaan dari Universiti Malaya pada tahun 1975, Ijazah Sarjana Falsafah (Pengajian Pembangunan) dari University of Sussex, United Kingdom pada tahun 1984 dan Doktor Falsafah (Ekonomi Perniagaan) dari University of Leeds, United Kingdom pada tahun 1995.

### **Tan Sri Ismail Bin Adam**

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

WAKIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

Tan Sri Ismail Bin Adam dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah KWAP pada 1 Mac 2007. Beliau kini menyandang jawatan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah & Sarawak) dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Ekonomi) dari Universiti Malaya dan Sarjana Ekonomi dari Venderbilt Universiti, USA.

### **Dato' Mohd. Salleh Bin Mahmud**

AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

WAKIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

Dato' Mohd Salleh Bin Mahmud dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah KWAP pada 1 Mac 2007. Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1976 di Jawatankuasa Pelaburan Asing, Bahagian Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan kemudian dilantik sebagai Pengarah Bahagian Pencen di Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun 1991. Beliau dilantik sebagai Timbalan Akauntan Negara pada tahun 1996 dan mula menyandang jawatan Akauntan Negara Malaysia pada bulan Mac 2005 hingga kini. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Perakaunan dari Universiti Malaya pada tahun 1976 dan kemudian memperoleh Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan pada tahun 1991.

### **Datuk Idrus Bin Harun**

PEGUAM CARA NEGARA MALAYSIA

WAKIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

Datuk Idrus Bin Harun dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah KWAP pada 1 Mac 2007. Beliau kini memegang jawatan Peguamcara Negara Malaysia ke-16. Beliau telah dilantik ke jawatan tersebut sejak 27 April 2006. Beliau mula menyertai Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-Undang pada 3 April 1980 sebagai Penolong Penggubal Undang-Undang Parlimen. Sepanjang perkhidmatan, beliau telah menyandang pelbagai jawatan dan kapasiti termasuk sebagai Penolong Kanan Pendaftar di mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Hakim Mahkamah Sesyen di Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu, Timbalan pendakwaraya di Jabatan Kastam & Eksais DiRaja Malaysia, Bahagian Pendakwaan Cawangan Wilayah Persekutuan, Peguam Kanan Persekutuan di Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, Timbalan Pendakwa Raya di Badan Pencegah Rasuah Kuala Lumpur dan Pendaftar Syarikat Malaysia. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu dan Ketua Bahagian Penasihat dan Antarabangsa di Jabatan Peguam Negara. Kini, beliau menganggotai Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Lembaga Pengarah Malaysia-Thailand Joint Authority dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya.

### **Dato' Ibrahim Mahaludin Bin Puteh**

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN (DASAR)

WAKIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

Dato' Ibrahim Mahaludin Bin Puteh dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah KWAP pada 1 Mac 2007. Beliau adalah Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan dan turut menganggotai Lembaga Pengarah di pelbagai organisasi seperti Lembaga Tabung Haji, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Syarikat Prasarana Negara Berhad, Majlis Pembangunan Modal Teroka Malaysia dan Pos Malaysia Berhad. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Manchester, United Kingdom.

### **Dato' V. Danapalan**

WAKIL SEKTOR SWASTA

Dato' V. Danapalan dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah KWAP pada 1 Mac 2007. Beliau kini menganggotai Lembaga Pengarah Knowledge Worker Exchange Sdn. Bhd., Telekom Malaysia Berhad, Smartcomputing Sdn. Bhd., SIRIM QAS International Sdn. Bhd., Affin Trust Management Berhad, Suruhanjaya Pertukaran Pendidikan Malaysia-Amerika, Tabung Biasiswa Institut Tun Sambanthan dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Universiti Sains dan Teknologi Malaysia. Beliau menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1965 dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari The Pennsylvania State University, USA pada tahun 1977.

## **Lembaga Pengarah**

### **Dato' Siow Kim Lun**

#### **WAKIL SEKTOR SWASTA**

Dato' Siow Kim Lun dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah KWAP pada 1 Mac 2007. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah Citibank Berhad, Mainstreet Advisers Sdn. Bhd., Weng Zheng Resources Berhad and juga merupakan ahli Jawatankuasa Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dari Catholic University of Leuven, Belgium dan telah menyertai Advanced Management Program di Harvard Business School.

### **Dato' Mohd. Izzaddin Bin Idris**

#### **WAKIL SEKTOR SWASTA**

Dato' Mohd. Izzaddin Bin Idris dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah KWAP pada 1 Mac 2007. Beliau merupakan ahli Certified Public Accountant (Australia) serta Institut Akauntan Malaysia. Beliau kini menyandang jawatan Ketua Pegawai Kewangan Tenaga Nasional Berhad, jawatan yang telah disandang sejak tahun 2004. Beliau pernah berkhidmat sebagai Naib Presiden Kanan (Kewangan Korporat) di Southern Bank Berhad, Ketua Pegawai Kewangan di Ranthill Berhad dan Ketua Pegawai Operasi di Malaysian Resources Corporation Berhad. Beliau adalah lulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan jurusan Kewangan (Kepujian Kelas Pertama) dari University of New South Wales, Australia.

### **Dato' Muhammad Bin Ibrahim**

#### **WAKIL BANK NEGARA MALAYSIA**

Dato' Muhammad Bin Ibrahim dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah KWAP pada 15 Mei 2007. Beliau merupakan Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia dan pernah menyandang jawatan Pengarah Urusan Danamodal Nasional Berhad serta Ahli Bersekutu Kanan bagi Institut Bank-Bank Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Perakaunan dari Harvard University, Amerika Syarikat.

**Tuan Haji Omar Bin Haji Osman**

**WAKIL PENCARUM**

Tuan Haji Omar Bin Haji Osman dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah KWAP pada 1 Mac 2007. Beliau kini memegang jawatan Presiden CUEPACS, Presiden Kesatuan Kakitangan Am Universiti Putra Malaysia dan Pengerusi Gabungan Presiden/Setiausaha Kehormat Kesatuan-Kesatuan Universiti. Selain itu, beliau turut memegang jawatan Timbalan Pengerusi bagi Majlis Sains & Teknologi Malaysia dan wakil CUEPACS dalam Majlis Penasihat Buruh Nasional, Kementerian Sumber Manusia.

**Puan Azian Binti Mohd Noh**

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

Puan Azian Binti Mohd Noh dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Ahli Lembaga Pengarah KWAP pada 1 Mac 2007. Beliau juga merupakan Pengerusi i-VCAP Management Sdn. Bhd. dan menganggotai Ahli Lembaga Pengarah Valuecap Sdn. Bhd., Malakoff Corporation Berhad, Rashid Hussain Berhad dan TIME dotCom Berhad. Beliau juga merupakan Ahli Panel Pelaburan di Valuecap Sdn. Bhd. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi pengkhususan Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga adalah ahli Institut Akauntan Malaysia.



Dengan pence  
yang terjamin, horizon  
anda dapat diperluaskan

*With your pensions assured, you now can  
continue to expand your horizon*



## Panel Pelaburan / Investment Panel



Dari kiri ke kanan / from left to right

**Encik Cheah Tek Kuang**  
**Puan Azian Binti Mohd Noh**  
**Datuk Amirsham Bin Abdul Aziz**  
**Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah**  
**Cik Che Zakiah Binti Che Din**  
**Y.M Tengku Dato' Azmil Zahrudin Bin Raja Dato' Seri Abdul Aziz**  
**Puan Komalam a/p Kesawan**

**Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah**

KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN

PENGERUSI

Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah dilantik sebagai Pengerusi Panel Pelaburan KWAP pada 21 Mac 2007.

**Cik Che Zakiah Binti Che Din**

WAKIL BANK NEGARA MALAYSIA

Cik Che Zakiah Binti Che Din dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan KWAP pada 15 Mei 2007. Beliau kini memegang jawatan Pengarah Jabatan Penyeliaan Konglomerat Kewangan, Bank Negara Malaysia. Sebelum dilantik ke jawatan tersebut, beliau merupakan Pengarah Jabatan Pengawalan Institusi Kewangan Pembangunan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya.

**Puan Komalam a/p R. Kesawan**

WAKIL KEMENTERIAN KEWANGAN

Puan Komalam a/p R. Kesawan dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan KWAP pada 21 Mac 2007. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd., Intellectual Property Corporation of Malaysia dan Johor Port Berhad. Beliau telah bersara dari perkhidmatan awam pada 30 Ogos 2007 dan dilantik sebagai Pegawai Projek Khas, Kementerian Kewangan. Sebelum bersara, beliau merupakan Timbalan Setiausaha, Pengurusan Pinjaman, Bahagian Pasaran Kewangan dan Aktuari, Kementerian Kewangan. Beliau juga pernah memegang beberapa jawatan di Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Kewangan dan Bahagian Ekonomi, Kementerian Kewangan serta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Sastera (Dasar Ekonomi) dari Boston University, USA.

**Datuk Amirsham Bin Abdul Aziz**

WAKIL SEKTOR SWASTA

Datuk Amirsham Bin Abdul Aziz dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan KWAP pada 21 Mac 2007. Beliau adalah Akauntan Awam Bertauliah dan kini merupakan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Malayan Banking Berhad dan juga anggota Lembaga Pengarah Maybank Berhad, Aseambankers Malaysia Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Cagamas Berhad, Permodalan Usahawan Nasional Berhad, Bursa Malaysia Depository Sdn. Bhd., AFC Merchant Bank, International Financial Institute, Malaysia National Insurance Berhad dan Asian Pacific Bankers Club. Selain itu, beliau turut berkhidmat sebagai Pengerusi Silih Ganti Persatuan Bank-Bank Saudagar Malaysia dan Naib Presiden Institut Perbankan Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya.

## Panel Pelaburan

### **Y.M. Tengku Dato' Azmil Zahrudin Bin Raja Dato' Seri Abdul Aziz**

WAKIL SEKTOR SWASTA

Y.M. Tengku Dato' Azmil Zahrudin Bin Raja Dato' Seri Abdul Aziz dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan KWAP pada 21 Mac 2007. Beliau adalah Akauntan Bertauliah dan Ahli Bersekutu Institut Akauntan Malaysia, Institute of Chartered Accountants (England & Wales) dan juga Ahli Bersekutu Association of Corporate Treasurers (United Kingdom). Beliau kini memegang jawatan Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan Malaysian Airline System Berhad. Beliau menamatkan pengajian dari University of Cambridge, United Kingdom dengan dua Ijazah kelas pertama dalam bidang Ekonomi.

### **Encik Cheah Tek Kuang**

WAKIL SEKTOR SWASTA

Encik Cheah Tek Kuang dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan KWAP pada 21 Mac 2007. Beliau kini menyandang jawatan Pengarah Urusan Kumpulan AMMB Holdings Berhad dan juga ahli Lembaga Pengarah subsidiari-subsidari perbankan dan syarikat-syarikat broker Kumpulan AMMB Holdings Berhad. Antara Lembaga Pengarah yang beliau anggotai termasuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Bursa Malaysia Berhad serta turut berkhidmat sebagai Pengerusi Silih Ganti bagi Persatuan Bank-Bank Saudagar Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya.

### **Puan Azian Binti Mohd Noh**

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

(SETIAUSAHA PANEL PELABURAN)

Puan Azian Binti Mohd Noh dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 21 Mac 2007.

# Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko

## Jawatankuasa Audit

**Tan Sri Ismail Bin Adam**

PENGERUSI

**Dato' Mohd. Salleh Bin Mahmud**

AHLI

**Datuk Idrus Bin Harun**

AHLI

**Dato' Ibrahim Mahaludin Bin Puteh**

AHLI

**Dato' Mohd. Izzaddin Bin Idris**

AHLI

## Jawatankuasa Pengurusan Risiko

**Dato' Muhammad Bin Ibrahim**

PENGERUSI

**Dato' V. Danapalan**

AHLI

**Dato' Siow Kim Lun**

AHLI

**Puan Azian Binti Mohd Noh**

AHLI

## Pengurusan Kanan / Senior Management



Dari kiri ke kanan / from left to right

**Encik Sudirman Masduki**

PENGURUS BESAR KANAN, JABATAN PENTADBIRAN & KEWANGAN /  
SENIOR GENERAL MANAGER, ADMINISTRATION & FINANCE DEPARTMENT

**Puan Nik Amlizan Mohamed**

PENGURUS BESAR KANAN, JABATAN EKUITI /  
SENIOR GENERAL MANAGER, EQUITY DEPARTMENT

**Encik Md Saffi Nadzir**

PENGURUS BESAR KANAN, JABATAN CARUMAN /  
SENIOR GENERAL MANAGER, CONTRIBUTION DEPARTMENT

**Encik Ambalagam R. Marappan**

PENGURUS BESAR KANAN, JABATAN PENYELIDIKAN /  
SENIOR GENERAL MANAGER, RESEARCH DEPARTMENT


**Puan Azian Mohd Noh**

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF /  
CHIEF EXECUTIVE OFFICER

**Encik Ahmad Norhisham Hassan**

PENGURUS BESAR KANAN, JABATAN PENDAPATAN TETAP /  
SENIOR GENERAL MANAGER, FIXED INCOME DEPARTMENT

# Carta Organisasi





Dengan pence  
yang terjamin, tiada lagi  
jurang yang memisahkan  
ikatan persahabatan

*With your pensions assured, nothing will get in  
the way of friendship*



## Perutusan Pengerusi

**Dato' Sri Dr. Wan Abdul  
Aziz Bin Wan Abdullah**  
PENGERUSI



Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacita membentangkan Laporan Tahunan pertama kami bagi tempoh 10 bulan berakhir 31 Disember 2007 berikutan pengkorporatan KWAP sebagai sebuah badan berkanun pada 1 Mac 2007, dengan berkuatkuasanya Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).

Usaha ke arah pengkorporatan KWAP bermula apabila Perdana Menteri mengumumkan dalam ucapan Bajet Negara 2006 bahawa Kumpulan Wang Amanah Pencen akan diperbadankan menjadi sebuah badan berkanun dengan mengekalkan fungsi dan objektif yang sama. Walaubagaimanapun badan berkanun baru tersebut akan menjana sumber kewangan sendiri dan melaksanakan pengurusan sumber manusia yang fleksibel untuk menentukan sendiri imbuhan dan keperluan tenaga manusia bagi membolehkannya menjadi lebih responsif dan dinamik untuk cabaran baru di dalam pasaran modal domestik dan asing.

KWAP telah menerima sebanyak RM27.0 juta daripada Kerajaan Persekutuan dalam bentuk geran pelancaran bagi membantu KWAP menjalankan operasi pada tahun pertama termasuk menyediakan infrastruktur dan melengkapkan premis barunya di Menara Yayasan Tun Razak, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

Ekonomi Malaysia kekal mantap sepanjang tahun 2007 walaupun berhadapan dengan kenaikan harga minyak mentah dan kebimbangan pelabur terhadap masalah pasaran subprima Amerika Syarikat. Permintaan domestik telah memberi sokongan yang kuat terhadap prestasi keseluruhan ekonomi Malaysia, dibantu oleh perbelanjaan kerajaan dan perbelanjaan pengguna yang kukuh. Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan dan pembinaan menunjukkan pertumbuhan yang memuaskan, manakala kadar inflasi negara secara umumnya kekal rendah pada 2.0% berbanding 3.6% pada tahun sebelumnya. Tahun 2007 turut menyaksikan kenaikan nilai Ringgit Malaysia berbanding Dolar Amerika ke paras RM3.3065 pada penghujung tahun. Bagi tahun 2007, kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia ialah 6.3% berbanding 5.9% pada tahun sebelumnya.

Walaupun kebimbangan berhubung kemungkinan kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat berterusan, pasaran saham Malaysia terus mempamerkan prestasi yang menggalakkan pada tahun 2007 seiring dengan pasaran serantau. Prestasi Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) memberangsangkan dengan kenaikan indeks penanda aras tersebut daripada 1,196.45 mata pada 1 Mac 2007 kepada 1,447.04 mata pada akhir tahun 2007. Peningkatan tersebut adalah hasil daripada kenaikan harga komoditi, pelancaran Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9), pelancaran koridor-koridor utama ekonomi dan pengukuhan nilai Ringgit Malaysia. Pasaran bon tempatan turut mencatat sentimen yang kukuh pada awal tahun 2007, dirangsang oleh kelemahan nilai Dolar Amerika berbanding Ringgit Malaysia. Walau bagaimanapun aktiviti pengambilan keuntungan serta sentimen negatif terhadap inflasi dan pengeluaran dana oleh pelabur asing telah mengakibatkan kenaikan keluk hasil menjelang akhir tahun 2007.

## Perutusan Pengerusi

Bagi tempoh kewangan 10 bulan berakhir 31 Disember 2007, dengan sukacita saya melaporkan bahawa KWAP telah mencatat prestasi yang begitu cemerlang. Dana KWAP telah meningkat sebanyak 14.75% dari RM41.94 bilion pada 1 Mac 2007 kepada RM48.13 bilion pada 31 Disember 2007. Peningkatan saiz dana sebanyak RM6.18 bilion itu meliputi RM3.72 bilion pendapatan bersih pelaburan, RM1.18 bilion dari caruman Kerajaan, RM1.28 bilion dari caruman pencen dan terimaan pulangan syer Kerajaan bagi caruman KWSP. Kadar pulangan pelaburan bagi tempoh 10 bulan adalah sebanyak 8.37% atau 10.04% mengikut kiraan berasaskan setahun.

Bagi tempoh 10 bulan berakhir 31 Disember 2007, nisbah pendapatan bagi kakitangan adalah sebanyak RM40.51 juta seorang, nisbah perbelanjaan ke atas hasil adalah 1.28% dan nisbah perbelanjaan ke atas dana secara purata adalah sebanyak 0.11%. Petunjuk prestasi utama ini menggambarkan bahawa KWAP adalah sebuah organisasi yang efektif dan efisien yang membolehkan lebih banyak inisiatif pelaburan dilaksanakan.

Ekonomi Malaysia dijangka mencatatkan kadar pertumbuhan ekonomi yang perlahan di antara 5% hingga 6% pada tahun 2008 berikutan ketidaktentuan persekitaran pasaran kewangan dan ekonomi. Pasaran bon domestik dijangka lebih kukuh disokong oleh lebihan kecairan domestik berbanding dengan masalah kredit yang dialami oleh negara-negara maju khususnya di Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, tekanan inflasi akibat harga minyak yang tinggi merupakan ancaman yang boleh mendorong kenaikan hasil dalam pasaran bon. Namun begitu, kelembapan ekonomi global khususnya di Amerika Syarikat dijangka dapat membendung ancaman inflasi. Polisi Kadar Semalaman (OPR) negara dijangka kekal pada paras semasa sejajar dengan usaha Kerajaan Malaysia untuk terus melaksanakan polisi kewangan yang akomodatif.

Tahun 2008 dijangka lebih mencabar berikutan kelembapan ekonomi global. Walaupun diselubungi ketidakpastian ekonomi pada masa ini, KWAP akan berusaha untuk mengekalkan pulangan mapan dari pelaburannya. Justeru, KWAP perlu mengatur strategi yang kukuh untuk menghadapi segala cabaran. Pengagihan aset strategik hendaklah sejajar dengan kelas-kelas aset yang paling kurang terdedah kepada volatiliti tersebut.

Bagi tahun-tahun akan datang, aspirasi Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan adalah untuk menjadikan KWAP sebuah organisasi yang berprestasi tinggi. Kami akan memastikan supaya KWAP beroperasi berasaskan model perniagaan yang jitu. Kini usaha sedang dijalankan untuk melantik pakar runding bagi mengkaji dan mencadangkan model perniagaan termasuk struktur organisasi, rancangan strategik dan pengurusan risiko bagi KWAP. Penekanan akan diberi ke atas integrasi pengurusan risiko dalam proses pelaburan bagi memastikan pencapaian prestasi yang konsisten. Selain itu, KWAP juga menerima pakai polisi dan amalan terbaik sebagaimana yang disyorkan oleh Kerajaan bagi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC).

Pada tahun 2008, tumpuan akan diberikan untuk meningkatkan keberkesanan melalui inisiatif terancang seperti berikut:

- Pelaksanaan sebuah sistem pengurusan pelaburan bersepadu
- Pelaksanaan intranet dan portal pengetahuan
- Pembentukan dan pelaksanaan rancangan *disaster recovery* dan pusat *disaster recovery*

Dengan komitmen yang diberikan oleh Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan serta semua anggota, saya yakin KWAP akan berjaya mencapai aspirasinya untuk menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi yang boleh dibanggakan.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan kanan dan semua anggota KWAP di atas sumbangan, dedikasi dan komitmen yang telah diberikan. Saya yakin KWAP akan terus berusaha untuk merealisasikan visi KWAP untuk menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi yang menjamin faedah persaraan berterusan.

# Laporan Ketua Pegawai Eksekutif



**Puan Azian Binti Mohd Noh**  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Saya dengan sukacita membentangkan laporan prestasi Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) yang pertama bagi tahun kewangan bermula 1 Mac 2007 hingga 31 Disember 2007.

Tahun 2007 mencatat sejarah apabila KWAP diperbadankan. Sepanjang tempoh 10 bulan pertama, saiz dana telah meningkat begitu ketara sebanyak 14.75% dari RM41.94 bilion kepada RM48.13 bilion. Strategi pelaburan yang mantap dibantu oleh persekitaran ekonomi dan pasaran ekuiti yang menggalakkan telah berjaya menghasilkan pulangan ke atas pelaburan (ROI) sebanyak 8.37% atau 10.04% pada asas kiraan tempoh setahun penuh.

Oleh kerana tahun ini merupakan tahun operasi yang pertama bagi KWAP setelah diperbadankan, antara langkah awal yang telah dilaksanakan adalah mengkaji dan memperbaiki proses sedia ada, mengemaskini Polisi & Garis Panduan Pelaburan, Prosedur Kewangan dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko. Proses kajian semula dan peningkatan tersebut akan dilakukan secara berterusan sepanjang tahun 2008.

KWAP telah berpindah dari Putrajaya ke pejabat baru di Menara Yayasan Tun Razak, Kuala Lumpur pada 27 Jun 2007. Premis baru ini membolehkan KWAP menempatkan jumlah kakitangan yang semakin bertambah dan menyediakan ruang untuk pertumbuhan masa depan. KWAP sedang dalam proses menukar sistem perakaunannya serta mendapatkan sebuah Sistem Pengurusan Pelaburan Dana Berintegrasi dan Sistem Pengurusan Sumber Manusia yang baru untuk memperkemaskan proses dan meningkatkan lagi kecekapan operasi.

Huraian berikutnya menjelaskan analisis pengurusan terhadap faktor-faktor yang menyumbang kepada prestasi KWAP sepanjang tempoh yang dilaporkan.

## Tinjauan Operasi

### Pentadbiran

Setelah pengkorporatan pada 1 Mac 2007, KWAP telah melaksanakan infrastruktur pentadbiran, kewangan, teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) untuk menyokong keseluruhan operasi. Perpindahan pejabat KWAP pada 27 Jun 2007 dari Putrajaya ke premis baru memerlukan usaha yang teratur dan terancang dari semua pihak bagi memastikan pengubahsuaian pejabat disempurnakan serta semua peralatan dan kemudahan disediakan agar KWAP dapat beroperasi dengan lancar.

KWAP memulakan operasi dengan menggunakan Sistem Perakaunan Bersepadu yang dahulunya digunapakai oleh Kumpulan Wang Amanah Pencen. KWAP kini dalam proses menukar ke Sistem Perakaunan Piawaian Bagi Agensi Kerajaan (SAGA) dengan kerjasama Jabatan Akauntan Negara.

### Sumber Manusia

Setelah KWAP diperbadankan, pengambilan anggota baru merupakan salah satu aktiviti utama yang dijalankan sepanjang tahun 2007 yang memperlihatkan pertambahan bilangan anggota dari 26 ke 93 orang pada 31 Disember 2007. Adalah penting bagi KWAP memastikan pengambilan anggota baru berasaskan pengetahuan dan pengalaman yang selari dengan aktiviti utama KWAP. Memandangkan salah satu nilai korporat ialah Pembelajaran Berterusan, KWAP memberi keutamaan kepada pelaksanaan program-program latihan dan pembangunan bagi mempertingkatkan kemahiran dan daya saing anggota.

Untuk menggalakkan kerjasama berkumpulan di kalangan kakitangan, pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2007. Antara aktiviti yang dianjurkan termasuk program pengucapan awam, deklamasi sajak dan program gaya hidup sihat.

Laporan Ketua Pegawai Eksekutif

Bagi merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk membentuk budaya berasaskan prestasi di kalangan semua Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), KWAP telah memperkenalkan *Balanced Scorecard* sebagai satu langkah untuk menilai prestasi pengurusan dan pelaksanaan strategi untuk memastikan penggunaan sumber-sumber KWAP secara optimum ke arah pencapaian objektifnya.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dinilai berdasarkan empat perspektif iaitu Pihak Berkepentingan, Kewangan, Operasi dan Pembelajaran & Pembangunan bagi memastikan objektif anggota KWAP sejajar dengan matlamat dan objektif organisasi.


Penilaian Kompetensi ke atas pengetahuan, kemahiran dan sikap turut dijalankan dalam tahun 2007 untuk mengenalpasti dan merapatkan jurang kompetensi di kalangan anggota KWAP.

Maklumat Penting Kewangan



Caruman Pencen

Mengikut Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Kerajaan Tempatan 1980 (Akta 239), Badan-badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi diwajibkan mencarum bagi kakitangan mereka yang memilih skim pencen iaitu pada kadar 17.5% dari gaji bulanan kakitangan tersebut kepada KWAP. Terdapat 475 majikan yang mencarum untuk 104,081 ahli kepada KWAP pada 31 Disember 2007.


Terimaan Caruman Bagi Tahun 2007




Jumlah Majikan Pada 31 Disember 2007



Jumlah Ahli Pada 31 Disember 2007



Pada tahun 2007, KWAP menerima caruman sebanyak RM2.47 bilion yang meliputi caruman Kerajaan, Badan-badan Berkanun, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan & Agensi-agensi dan terimaan pulangan syer Kerajaan yang sebahagian besarnya daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG).




Pada tahun 2007, Jabatan Caruman telah menjalankan lawatan pematuhan dan penguatkuasaan ke atas dua puluh (20) majikan di negeri Sabah, Perak dan Kelantan bagi memastikan majikan mematuhi peruntukan Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Kerajaan Tempatan 1980 (Akta 239).

### Prestasi Pelaburan

Saiz Dana pelaburan KWAP pada nilai kos meningkat sebanyak 12.61% dari RM42.11 bilion pada 1 Mac 2007 kepada RM47.42 bilion pada 31 Disember 2007.

#### Pengagihan Aset Pada Tahun 2007




### Sumber Dana

Saiz aset keseluruhan meningkat dari RM41.94 bilion pada 1 Mac 2007 kepada RM48.13 bilion pada 31 Disember 2007, meningkat sebanyak 14.75%. Sumber dana bagi tempoh tersebut adalah dari Caruman Kerajaan sebanyak RM1.18 bilion atau 19.10%, Caruman Pencen berjumlah RM1.28 bilion atau 20.70% dan Pendapatan Bersih sebanyak RM3.72 bilion atau 60.20% dari keseluruhan peningkatan dana.

### Pendapatan Kasar Pelaburan

Sepanjang tempoh sepuluh (10) bulan antara 1 Mac 2007 dan 31 Disember 2007, KWAP telah mencatat pendapatan kasar pelaburan sebanyak RM3.75 bilion. Pulangan ke atas pelaburan bagi tempoh sepuluh (10) bulan berdasarkan kos purata adalah sebanyak 8.37% atau 10.04% pada asas kiraan tempoh setahun penuh. Sebahagian besar dari pendapatan iaitu 58.78% adalah hasil pendapatan pelaburan dalam saham tersiar harga. Sebanyak 30.42% lagi diperoleh dari pelaburan pendapatan tetap yang meliputi pendapatan daripada pinjaman 9.92%, Sekuriti Kerajaan Malaysia 7.34%, pasaran wang 7.26% dan Bon 5.90%.



**Pendapatan Kasar Pelaburan Bagi Tempoh dari 1 Mac 2007 Hingga 31 Disember 2007**

|                            | RM Juta  | %      |
|----------------------------|----------|--------|
| Ekuiti                     | 2,472.79 | 65.96  |
| Pendapatan Tetap           | 592.99   | 15.82  |
| Sekuriti Kerajaan Malaysia | 276.09   | 7.34   |
| Pasaran Wang               | 272.20   | 7.26   |
| Pelaburan Alternatif       | 5.58     | 0.15   |
| Lebihan                    | 130.14   | 3.47   |
| Jumlah                     | 3,748.79 | 100.00 |

### Ekuiti

Pada 31 Disember 2007, jumlah pelaburan ekuiti KWAP adalah sebanyak RM11.96 bilion atau 25.22% dari jumlah saiz dana sebanyak RM47.42 bilion pada nilai kos. Pelaburan tersebut adalah dalam bentuk ekuiti domestik di mana 96.5% adalah saham tersiar harga dan bakinya saham tidak tersiar harga. Portfolio ekuiti mencatat prestasi yang memberangsangkan pada tahun 2007 sejajar dengan keadaan pasaran ekuiti tempatan yang menggalakkan. Jumlah pendapatan ekuiti bagi tempoh ini adalah sebanyak RM2.47 bilion atau 65.96% dari pendapatan kasar yang dihasilkan keseluruhan KWAP berjumlah RM3.75 bilion.

- **Saham Tersiar Harga**

Pelaburan Saham Tersiar Harga pada nilai kos meningkat sebanyak 6.39% dari RM10.85 bilion kepada RM11.55 bilion pada akhir tahun 2007. Pendapatan daripada saham tersiar harga bagi tempoh yang sama berjumlah RM2.45 bilion atau 65.30% daripada jumlah pendapatan.

- **Saham Tidak Tersiar Harga**

Pelaburan Saham Tidak Tersiar Harga menjelang akhir tahun 2007 pada nilai kos meningkat kepada RM418.21 juta dari RM16.67 juta pada awal tempoh tersebut. Pendapatan dividen yang diterima dari pelaburan tersebut adalah sebanyak RM22.67 juta.

**Pendapatan Tetap**

- **Bon**

Pelaburan KWAP dalam bon pada akhir tahun 2007 pada nilai kos meliputi Sekuriti Hutang Swasta sebanyak RM2.46 bilion, Sekuriti Hutang Islam sebanyak RM3.25 bilion dan RM500.00 juta dalam Pengurus Dana Luar. Pada tahun 2007, jumlah pendapatan kasar yang diperoleh dari pelaburan Bon adalah sebanyak RM221.25 juta.

- **Pinjaman**

KWAP telah memberi pinjaman sebanyak RM261.80 juta kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri, RM5.38 bilion kepada Pihak Berkuasa dan Perbadanan Awam dan RM1.80 bilion kepada entiti-entiti korporat. Pada akhir tahun 2007, portfolio pinjaman adalah berjumlah RM7.44 bilion dengan sumbangan pendapatan kasar sebanyak RM371.34 juta.

- **Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan**

Dalam tempoh tersebut, KWAP telah melabur sebanyak RM2.35 bilion pada nilai kos di dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia dan terbitan pelaburan kerajaan menjadikan jumlah pegangan pada nilai kos sebanyak RM8.74 bilion pada 31 Disember 2007. Pelaburan ini menjana pendapatan kasar sebanyak RM275.09 juta. Pegangan Sekuriti Kerajaan Malaysia yang lebih tinggi adalah berikutan jumlah terbitan baru Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan dalam pasaran utama berjumlah RM53.0 bilion pada tahun 2007.

- **Instrumen Pasaran Wang**

Pada 31 Disember 2007, jumlah pelaburan KWAP dalam instrumen pasaran wang yang terdiri dari Deposit Tetap, Deposit Jangka Pendek, Terimaan Jurubank dan Instrumen Deposit Boleh Niaga dan Sijil Hutang Islamik Boleh Niaga adalah sebanyak RM12.48 bilion. Jumlah pendapatan kasar yang diperoleh dari pelaburan instrumen pasaran wang adalah RM272.20 juta.

### Pelaburan Alternatif

#### Pelaburan Ekuiti Persendirian

KWAP telah meluluskan pelaburan berjumlah RM214.50 juta di dalam dana pelaburan ekuiti persendirian domestik dan asing. Sebanyak RM60.23 juta dari jumlah tersebut telah dikeluarkan sehingga 31 Disember 2007. Tempoh dana tersebut adalah di antara 8 hingga 11 tahun dengan opsyen lanjutan selama 2 hingga 3 tahun.

Pada tahun 2007, KWAP telah melabur sebanyak RM26.33 juta dalam empat dana pelaburan ekuiti persendirian. KWAP telah menerima agihan dalam bentuk keuntungan modal berjumlah RM3.53 juta, pembayaran balik modal sebanyak RM3.39 juta dan dividen sebanyak RM1.77 juta.

#### Dana Dagangan Bursa (*Exchange Traded Fund*)

Pada tahun 2007 KWAP telah melabur dalam Dana Dagangan Bursa dan merealisasi keuntungan berjumlah RM275,577.

### Inisiatif Penambahbaikan

Sepanjang tahun 2007 inisiatif-inisiatif penambahbaikan telah diperkenalkan ke arah membentuk sebuah organisasi berprestasi tinggi seperti berikut:

#### - Piagam Lembaga Pengarah

Setelah KWAP diperbadankan pada 1 Mac 2007, Lembaga Pengarah telah meluluskan Piagam Lembaga Pengarah KWAP, Prosedur Kewangan dan Polisi & Garis Panduan Pelaburan yang dikemaskini. Piagam Lembaga Pengarah ini menggariskan prinsip-prinsip utama tadbir urus korporat termasuk peranan dan tanggungjawab untuk digunapakai sebagai panduan ahli Lembaga Pengarah, Panel Pelaburan dan ahli Jawatankuasa-Jawatankuasa di bawah Lembaga Pengarah KWAP.

#### - Prosedur Kewangan

Prosedur Kewangan menetapkan prosedur-prosedur yang perlu diikuti oleh anggota dalam menjalankan tugas mereka berkaitan aktiviti kewangan KWAP.

#### - Polisi & Garis Panduan Pelaburan

Polisi & Garis Panduan Pelaburan menyediakan garis panduan kepada anggota KWAP dalam mengendalikan hal-hal berkaitan aktiviti pelaburan. Satu kajian semula terhadap Polisi dan Garis Panduan tersebut telah dijalankan bagi memastikan kerelevanannya dan pengemaskiniannya didokumenkan dengan sewajarnya.

- **Model Perniagaan**

Pada penghujung tahun 2007, usaha telah dimulakan dengan melantik pakar runding bagi mengkaji dan mencadangkan Model Perniagaan yang bertujuan untuk menentukan halataju strategi perniagaan bagi mencapai objektif KWAP dan aspirasi Kerajaan terhadap KWAP.

- **Balanced Scorecard**

Konsep *Balanced Scorecard* telah diperkenalkan pada tahun 2007 sebagai satu kaedah pengukuran prestasi dalam menentukan keberkesanan penggunaan sumber untuk mencapai sasaran yang ditetapkan sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI).

**Aspirasi tahun 2008**

Tahun 2008 dijangka akan membawa cabaran yang lebih besar bagi KWAP dalam usahanya mencapai sasaran pendapatan yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, KWAP akan terus mengkaji strategi pelaburan untuk mengekalkan pulangan mapan ke atas pelaburan. Selain itu, KWAP juga merancang untuk menjalankan usaha penambahbaikan dalaman yang berterusan dalam mempertingkatkan kecekapan organisasi.

Sejajar dengan aspirasi KWAP untuk menjadi sebuah organisasi yang prihatin, perancangan sedang dirangka untuk membangunkan dan melaksanakan program dan aktiviti-aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua anggota KWAP atas kerjasama dan dedikasi dalam usaha untuk mencapai matlamat KWAP. Saya juga ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli Panel Pelaburan atas bimbingan dan usaha mereka dalam membawa kejayaan kepada KWAP bagi tahun 2007.

# Penyataan Tadbir Urus Korporat

Lembaga Pengarah KWAP mengakui bahawa amalan tadbir urus korporat yang baik dalam mengendalikan hal ehwal KWAP dengan penuh integriti, ketelusan dan profesionalisme merupakan komponen penting yang menyumbang kepada kesinambungan kemajuan dan kejayaan organisasi. Ia bukan hanya akan melindungi dan mempertingkatkan pelaburan dan nilai pihak berkepentingan, malah turut memastikan kelicinan perjalanan operasi.

KWAP mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh ahli Lembaga Pengarah, ahli Panel Pelaburan dan Pengurusan dalam merangka dan menentukan hala tuju serta operasi KWAP. KWAP diterajui dan dikendalikan oleh ahli Lembaga Pengarah yang berpengalaman dan mahir dari pelbagai latar belakang iaitu sektor Kerajaan, Swasta, Bank Negara dan wakil pencarum. Ia adalah penting dalam pencapaian strategik KWAP secara keseluruhannya.

## Lembaga Pengarah

Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) ("Akta"), menyatakan bahawa KWAP hendaklah mempunyai Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pengurusan organisasi di mana Lembaga Pengarah hendaklah mempunyai kuasa untuk menjalankan tugas-tugasnya sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta dan mengambil semua tindakan yang boleh dilaksanakan atau dilakukan oleh KWAP.

Lembaga Pengarah terdiri daripada ahli-ahli berikut yang akan dilantik oleh Menteri Kewangan:-

- i) seorang Pengerusi yang merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan;
- ii) seorang wakil daripada Bank Negara Malaysia;
- iii) seorang wakil daripada Kementerian Kewangan;
- iv) Ketua Pegawai Eksekutif yang merupakan ahli ex-officio;
- v) tiga (3) orang wakil Kerajaan Malaysia;
- vi) tiga (3) orang individu lain daripada sektor swasta dengan pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan atau kewangan; dan
- vii) seorang individu yang, pada pendapat Menteri Kewangan, hendaklah mewakili pencarum kepada Kumpulan Wang secara saksama selain daripada wakil-wakil Kerajaan Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif, sebagaimana yang dilantik dengan sewajarnya oleh Lembaga Pengarah dengan kelulusan Menteri Kewangan, hendaklah bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan pengurusan harian hal ehwal KWAP, kawalan pentadbiran kakitangan, termasuk pelaksanaan keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah dan keputusan pelaburan yang dibuat oleh Panel Pelaburan selaras dengan Akta KWAP.

### **Tugas dan Tanggungjawab Utama Lembaga Pengarah**

Lembaga Pengarah ditubuhkan untuk mentadbir dan mengurus KWAP melalui pendekatan yang dapat mempertingkatkan kepentingan pencarum dan pihak berkepentingan. Fungsi Lembaga Pengarah adalah untuk merumus polisi dan prosedur pentadbiran dan pengurusan serta memastikan supaya KWAP mencapai objektifnya dengan jayanya dan cemerlang.

Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawab seperti memantau tatacara operasi, mengenal pasti risiko-risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem-sistem yang sesuai untuk mengurus risiko tersebut serta mengkaji keberkesanan dan integriti sistem-sistem kawalan dalaman seperti yang dinyatakan dalam Akta dan Piagam Lembaga Pengarah.

### **Akauntabiliti Lembaga Pengarah**

Skop akauntabiliti Lembaga Pengarah bertanggungjawab merangka peraturan sebagaimana yang diperlukan dan wajar untuk memenuhi kehendak peruntukan Akta, yang mana antara lain termasuk:-

- i) mewujudkan prosedur berhubung hal-hal kewangan dan perakaunan, termasuk menyimpan, menutup dan mengaudit akaun-akaun KWAP dan pembentukan prosedur kewangan dan perakaunannya sendiri;
- ii) untuk menggariskan tanggungjawab kakitangan KWAP termasuk dalam perkara-perkara berkaitan imbuhan, terma dan syarat perkhidmatan, tempoh perkhidmatan dan cuti anggotanya;
- iii) mewujudkan Jawatankuasa Disiplin berhubung tata tertib dan disiplin anggota KWAP;
- iv) menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa yang diperlukan serta prosedur yang berkaitan bagi jawatankuasa berkenaan;
- v) untuk melaras prosedur dalaman termasuk berkaitan hal-hal operasi;
- vi) menggariskan cara di mana sebarang bentuk dokumen, cek dan suratcara patut ditandatangani atau dilaksanakan bagi pihak KWAP;
- vii) menggariskan situasi kecemasan seperti yang terkandung dalam Akta; dan
- viii) mewujudkan prosedur berkaitan wang tak dituntut sepertimana dinyatakan dalam Akta.

## Penyataan Tadbir Urus Korporat

### Panel Pelaburan

Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) turut menghendaki penubuhan Panel Pelaburan untuk menyediakan hala tuju strategik berkaitan hal-hal pelaburan. Panel Pelaburan menentu dan meluluskan polisi & garis panduan pelaburan, polisi pengurusan risiko, pengagihan aset dan hala tuju strategik pelaburan.

Panel Pelaburan hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut yang dilantik oleh Menteri Kewangan:-

- i) seorang Pengerusi yang merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah atau individu yang mungkin dilantik oleh Menteri Kewangan;
- ii) seorang wakil daripada Bank Negara Malaysia;
- iii) seorang wakil daripada Kementerian Kewangan;
- iv) Ketua Pegawai Eksekutif KWAP yang akan bertindak sebagai Setiausaha; dan
- v) tiga (3) orang individu lain daripada sektor swasta dengan pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan atau kewangan.

### Tugas dan Tanggungjawab Utama Panel Pelaburan

Panel Pelaburan secara umumnya bertanggungjawab untuk menetapkan dasar dan garis panduan pelaburan bagi KWAP untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Panel Pelaburan tersebut diberi kuasa untuk merumus strategi pelaburan sejajar dengan seksyen 14 (1) Akta. Dalam melaksanakan fungsinya, Panel Pelaburan hendaklah melapor kepada Lembaga Pengarah dan hendaklah bertindak menurut polisi am yang mungkin dikeluarkan oleh Lembaga Pengarah dan diluluskan oleh Menteri Kewangan.

### Pelantikan dan Saraan

Pelantikan ahli Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan adalah untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun, dan setelah tamat tempoh tersebut, layak untuk dilantik semula. Tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan, ahli Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan hendaklah dibayar saraan sebagaimana yang akan ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

### Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan

Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) menghendaki Lembaga Pengarah KWAP bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap tiga bulan untuk mempertimbang, mengkaji dan menilai dasar serta strategi dan memantau prestasi Pengurusan. Sepanjang tahun 2007, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak sepuluh (10) kali termasuk sekali (1) Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah mempertimbangkan dan meluluskan cadangan-cadangan mengenai pentadbiran dan operasi, polisi-polisi, isu-isu semasa dan strategik, sumber manusia dan penyata kewangan.

Kesemua ahli-ahli Lembaga Pengarah diberi maklumat yang diperlukan sebelum setiap mesyuarat untuk membolehkan mereka memberi pertimbangan yang sewajarnya dan seterusnya membuat keputusan yang tepat ke atas cadangan-cadangan yang dikemukakan.

Ahli Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan mestilah menzahirkan sebarang percanggahan kepentingan yang melibatkan dirinya, anggota keluarganya atau sekutunya perihal kepentingan dan jenis kepentingan berkaitan dengan cadangan yang dikemukakan kepada Lembaga Pengarah atau Panel Pelaburan dengan kadar segera dan dicatatkan dalam minit mesyuarat, dimana penzahiran itu dibuat. Ahli berkenaan tidak akan hadir atau mengambil bahagian dalam perbincangan atau mengundi ke atas sebarang resolusi atau isu berhubung dengan urusanniaga dimana ahli mempunyai hakikat kepentingan yang telah dizahirkan tidak dipengaruhi oleh mana pihak dan sekiranya ada percanggahan kepentingan, ahli Lembaga Pengarah akan mengecualikannya daripada mengambil bahagian dalam sebarang perbincangan (kecuali dengan kelulusan Lembaga Pengarah) atau keputusan berkaitan dengan perkara-perkara yang melibatkan kepentingannya, kepentingan peribadi atau berkenaan pemegang saham yang diwakilinya.

Panel Pelaburan telah bermesyuarat setiap bulan untuk mempertimbang dan meluluskan cadangan-cadangan pelaburan. Sepanjang tahun 2007, Panel Pelaburan telah bermesyuarat sebanyak sembilan (9) kali termasuk sekali (1) Mesyuarat Khas Panel.

Panel Pelaburan boleh mengundang mana-mana pihak yang bukan ahli Panel Pelaburan menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan bertujuan untuk menasihati Panel Pelaburan tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tanpa mempunyai hak untuk mengundi di dalam mesyuarat atau perbincangan berkenaan.

Dalam keadaan dimana kelulusan segera diperlukan, dan setiausaha Lembaga Pengarah atau Panel Pelaburan tidak dapat mengadakan mesyuarat, kelulusan boleh diperolehi secara edaran kepada semua ahli Lembaga Pengarah atau Panel Pelaburan. Walaubagaimanapun, keputusan secara edaran hendaklah sebulat suara dan dibentangkan pada mesyuarat seterusnya untuk ratifikasi.

Resolusi bertulis yang ditandatangani oleh semua ahli Lembaga Pengarah atau Panel Pelaburan adalah sah dan berkuatkuasa sepertimana ia telah diluluskan pada mesyuarat Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan.

## Penyataan Tadbir Urus Korporat

Butiran kehadiran ahli di mesyuarat-mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

### Mesyuarat Lembaga Pengarah

#### Kehadiran Ahli Lembaga Pengarah

Mesyuarat diadakan sebanyak sepuluh (10) kali, termasuk sekali (1) Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah.

| Nama                                                                           | Kehadiran |
|--------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| 1. Y.Bhg. Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah<br>PENGERUSI           | 10/10     |
| <b>Wakil Kerajaan</b>                                                          |           |
| 2. Y.Bhg. Tan Sri Ismail bin Adam                                              | 5/10      |
| 3. Y.Bhg. Dato' Mohd Salleh bin Mahmud                                         | 6/10      |
| 4. Y.Bhg. Datuk Idrus bin Harun                                                | 8/10      |
| <b>Wakil Kementerian Kewangan</b>                                              |           |
| 5. Y.Bhg. Dato' Ibrahim Mahaludin bin Puteh                                    | 9/10      |
| <b>Wakil Bank Negara</b>                                                       |           |
| 6. Y.Bhg. Dato' Muhammad bin Ibrahim<br>(dilantik berkuatkuasa pada 15.5.2007) | 6/7       |
| <b>Wakil Sektor Swasta</b>                                                     |           |
| 7. Y.Bhg. Dato' V. Danapalan                                                   | 9/10      |
| 8. Y.Bhg. Dato' Siow Kim Lun                                                   | 10/10     |
| 9. Y.Bhg. Dato' Mohd Izzaddin bin Idris                                        | 5/10      |
| <b>Wakil Pencarum</b>                                                          |           |
| 10. Tuan Haji Omar bin Haji Osman                                              | 9/10      |
| <b>Ex-Officio</b>                                                              |           |
| 11. Puan Azian binti Mohd Noh                                                  | 10/10     |

## Mesyuarat Panel Pelaburan

### Kehadiran Ahli Panel Pelaburan

Mesyuarat diadakan sebanyak sembilan (9) kali, termasuk sekali (1) Mesyuarat Khas Panel Pelaburan.

| Nama                                                                                  | Kehadiran |
|---------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| 1. Y.Bhg. Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah<br>PENGGERUSI                 | 9/9       |
| 2. Y.Bhg. Datuk Amirsham bin Abdul Aziz                                               | 5/9       |
| 3. Encik Cheah Tek Kuang                                                              | 7/9       |
| 4. Cik Che Zakiah binti Che Din<br>(dilantik berkuatkuasa pada 15.5.2007)             | 5/7       |
| 5. Y.M Tengku Dato' Azmil Zahrudin bin Raja Dato' Seri Abdul Aziz                     | 5/9       |
| 6. Puan Komalam a/p R. Kesawan<br>(tamat tempoh perkhidmatan/bersara pada 30/11/2007) | 8/8       |
| 7. Puan Azian Mohd Noh<br>SETIAUSAHA                                                  | 9/9       |

## Diari Korporat / Corporate Diary



**28 Februari 2007**

Pelancaran KWAP.

**28 February 2007**

Launching of KWAP.

---

**1 Mac 2007**

KWAP memulakan operasi di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).

**1 March 2007**

KWAP commences its operations under Retirement Fund Act 2007 (Act 662).

---



**19 Mac 2007**

Majlis Perpisahan kepada Bekas Pengerusi & Menyambut Lembaga baru.

**19 March 2007**

Farewell for the ex-Chairman & welcome function to the new Board of Directors.

---



**28 Jun 2007**

Perpindahan premis dari Putrajaya ke Kuala Lumpur.

**28 June 2007**

Moving office from Putrajaya to Kuala Lumpur.

---



**Jun 2007**

Majlis doa selamat selepas perpindahan pejabat.

**June 2007**

*Doa selamat* function after moving office.

---



**20 Julai 2007**

Lawatan Menteri Kewangan II, YB Senator Tan Sri Mohamed Nor Yakcop ke premis baru KWAP di Kuala Lumpur.

**20 July 2007**

Finance Minister II, Y.Bhg. Senator Tan Sri Mohamed Nor Yakcop's official visit to KWAP's new office in Kuala Lumpur.

---

**7 & 8 Ogos 2007**

Sesi Percambahan Idea bagi Visi & Misi.

**7 & 8 August 2007**

Vision & Mission Brainstorming Session.

---

**19 September 2007**

Majlis Menyambut Ramadhan 1428H bagi semua anggota KWAP.

**19 September 2007**

Function for all staff of KWAP to celebrate the arrival of the month of Ramadhan 1428H.

---

**27 September 2007**

Majlis Berbuka Puasa dan Solat Tarawih dengan Ahli Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan.

**27 September 2007**

Breaking fast and *Tarawih* prayers with the Board of Directors and Investment Panel members.

---

**5 November 2007**

Majlis Hari Raya Aidilfitri 1428H dengan ahli Lembaga Pengarah, Panel Pelaburan dan para tetamu korporat.

**5 November 2007**

Hari Raya Aidilfitri 1428H function with members of the Board, Investment Panel and corporate guests.

---

**27 November 2007**

Kem Bina Semangat di Dusun Eco Resort.

**27 November 2007**

Team Building Camp at Dusun Eco Resort.

---

**26 Disember 2007**

Mesyuarat Lembaga Pengarah di Kota Kinabalu, Sabah.

**26 December 2007**

Board of Directors Meeting in Kota Kinabalu, Sabah.

---





Dengan penceen yang  
terjamin, hubungan  
keluarga menjadi  
lebih erat

*With your pensions assured, family bonds will  
continue to strengthen*



# Penyata Kewangan

|                                                                                                                                       |    |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan<br>Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi<br>Tahun Berakhir 31 Disember 2007 | 45 |
| Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah<br>Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)                                        | 46 |
| Pengakuan oleh Pengawai Utama yang<br>Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan 2007<br>Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)    | 47 |
| Lembaran Imbangan                                                                                                                     | 48 |
| Penyata Pendapatan                                                                                                                    | 49 |
| Penyata Perubahan Rizab                                                                                                               | 49 |
| Penyata Aliran Tunai                                                                                                                  | 50 |
| Nota Penyata Kewangan                                                                                                                 | 52 |



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

Penyata kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) pada 31 Disember 2007, hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

  
**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
26 MAC 2008



## Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

Kami, Dato' Sri Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah dan Tan Sri Ismail Bin Adam yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Rizab dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) pada 31 Disember 2007 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tempoh sepuluh bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



.....  
Nama : Dato' Sri Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah

Gelaran : Pengerusi Lembaga

Tarikh : 20 Feb 2008

Tempat : Putrajaya

Bagi pihak Lembaga,



.....  
Nama : Tan Sri Ismail Bin Adam

Gelaran : Ahli Lembaga

Tarikh : 20 Feb 2008

Tempat : Putrajaya

# Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan 2007 Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

Saya, Azian Binti Mohd Noh, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Rizab dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya  
diakui oleh penama di atas  
di Kuala Lumpur  
pada 20 Feb 2008



.....  
Di hadapan saya,



.....  
PESURUHJAYA SUMPAH

# Lembaran Imbangan

pada 31 Disember 2007

|                                 | Nota | 01 Mac 2007 - 31 Dis 2007<br>(RM) |
|---------------------------------|------|-----------------------------------|
| <b>Aset</b>                     |      |                                   |
| Hartanah, loji dan peralatan    | 3    | 8,177,085                         |
| Pelaburan                       | 4    | 33,963,069,900                    |
|                                 |      | <b>33,971,246,985</b>             |
| <b>Aset Semasa</b>              |      |                                   |
| Penghutang perniagaan           | 5    | 814,592,233                       |
| Penghutang pelbagai             | 6    | 352,608,260                       |
| Deposit & prabayar              | 7    | 1,102,960                         |
| Pelaburan jangka pendek         | 8    | 5,576,004,282                     |
| Simpanan tetap                  | 9    | 6,906,000,000                     |
| Wang tunai dan baki bank        | 10   | 516,116,939                       |
|                                 |      | <b>14,166,424,674</b>             |
| <b>Liabiliti Semasa</b>         |      |                                   |
| Pemiutang perniagaan            | 11   | 2,572,477                         |
| Pemiutang pelbagai              | 12   | 1,682,210                         |
| Perbelanjaan terakru            | 13   | 6,616,458                         |
| Pemiutang kewangan              | 14   | 26,693                            |
|                                 |      | <b>10,897,838</b>                 |
| <b>Aset Semasa Bersih</b>       |      | <b>14,155,526,836</b>             |
|                                 |      | <b>48,126,773,821</b>             |
| <b>Dibiayai Oleh:</b>           |      |                                   |
| Caruman Kerajaan Persekutuan    | 15   | 14,356,944,312                    |
| Caruman pencen                  | 16   | 22,322,188,237                    |
| Rizab                           |      | 11,438,690,101                    |
|                                 |      | <b>48,117,822,650</b>             |
| <b>Liabiliti Jangka Panjang</b> |      |                                   |
| Pemiutang kewangan              | 14   | 774,086                           |
| Pendapatan tertunda             | 17   | 8,177,085                         |
|                                 |      | <b>48,126,773,821</b>             |

Nota di mukasurat 52 hingga 65 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# Penyata Pendapatan

bagi tempoh daripada 1 Mac 2007 sehingga 31 Disember 2007

|                                                       | Nota | 2007<br>(RM)          |
|-------------------------------------------------------|------|-----------------------|
| Pendapatan                                            | 19   | 3,767,663,558         |
|                                                       |      | 3,767,663,558         |
| Emolumen                                              | 20   | (6,824,505)           |
| Perkhidmatan dan bekalan                              | 20   | (10,927,656)          |
| Susutnilai / pelunasan pelaburan                      | 20   | (29,445,415)          |
| Elaun rosot nilai pelaburan                           | 20   | (866,604)             |
| Lebihan pendapatan sebelum cukai                      |      | 3,719,599,378         |
| Cukai                                                 | 2.7  | -                     |
| <b>Lebihan Bersih Bagi Tahun Semasa Selepas Cukai</b> |      | <b>3,719,599,378</b>  |
| <b>Lebihan Terkumpul Dibawa Ke Hadapan</b>            |      | <b>7,719,090,723</b>  |
| <b>Lebihan Terkumpul Dihantar Ke Hadapan</b>          |      | <b>11,438,690,101</b> |

# Penyata Perubahan Rizab

bagi tempoh daripada 1 Mac 2007 sehingga 31 Disember 2007

|                                                | Lebihan Terkumpul<br>01 Mac 2007 - 31 Dis 2007<br>(RM) |
|------------------------------------------------|--------------------------------------------------------|
| Lebihan terkumpul dibawa ke hadapan            | 7,719,090,723                                          |
| Lebihan bersih bagi tahun semasa selepas cukai | 3,719,599,378                                          |
| <b>Lebihan Terkumpul Dihantar Ke Hadapan</b>   | <b>11,438,690,101</b>                                  |

Nota di mukasurat 52 hingga 65 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# Penyata Aliran Tunai

bagi tempoh daripada 1 Mac 2007 sehingga 31 Disember 2007

|                                                  | Nota | 2007<br>(RM)           |
|--------------------------------------------------|------|------------------------|
| <b>Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi</b>        |      |                        |
| Terimaan Geran Pelancaran                        |      | 12,000,000             |
| Terimaan Tunai Dari Pelanggan & Pekerja          |      | 2,406,538              |
| Bayaran Tunai Kepada Pembekal & Pekerja          |      | (11,925,311)           |
| <b>Wang Tunai Bersih dari Aktiviti Operasi</b>   |      | <b>2,481,227</b>       |
| <b>Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan</b>      |      |                        |
| <b>Pendapatan Diterima:</b>                      |      |                        |
| Keuntungan Pasaran Saham                         |      | 1,350,673,071          |
| Dividen Pasaran Saham                            |      | 404,625,969            |
| Tuntutan Cukai Atas Dividen                      |      | 542,813                |
| Faedah Pinjaman                                  |      | 378,664,100            |
| Keuntungan Jualan Bon                            |      | 1,545,800              |
| Faedah Bon                                       |      | 153,634,559            |
| Dividen Bon                                      |      | 12,958,400             |
| Faedah Simpanan Tetap                            |      | 168,760,834            |
| Faedah Pasaran Wang Jangka Pendek                |      | 63,693,825             |
| Faedah Sekuriti Kerajaan Malaysia                |      | 203,040,721            |
| Faedah Akaun Semasa Pasaran Wang                 |      | 129,952,822            |
| Faedah Akaun Semasa Bank                         |      | 84,994                 |
| Pendapatan Dana Infrastruktur                    |      | 4,294,835              |
| Pendapatan Dana CMREF 1                          |      | 999,875                |
| Pendapatan Dana Lombard                          |      | 5,002                  |
| Pendapatan Lain                                  |      | 2                      |
| <b>Pengeluaran:</b>                              |      |                        |
| Saham Tersiar Harga                              |      | (508,986,491)          |
| Saham Tidak Tersiar Harga                        |      | (401,536,030)          |
| Pengurus Dana                                    |      | (550,000,000)          |
| Pinjaman                                         |      | 879,927,144            |
| Sekuriti Kerajaan Malaysia                       |      | (2,349,099,000)        |
| Bon                                              |      | (1,320,698,966)        |
| Pendahuluan Sekuriti Kerajaan Malaysia           |      | (981,332)              |
| Dana Ekuiti Persendirian                         |      | (22,938,734)           |
| Pembelian Aset Tetap                             |      | (6,533,607)            |
| <b>Wang Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan</b> |      | <b>(1,407,369,394)</b> |

Penyata Aliran Tunai  
bagi tempoh daripada 1 Mac 2007 sehingga 31 Disember 2007

Samb.

|                                                    | Nota      | 2007<br>(RM)          |
|----------------------------------------------------|-----------|-----------------------|
| <b>Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan</b>       |           |                       |
| Terimaan caruman Kerajaan Persekutuan              |           | 1,180,000,000         |
| Terimaan caruman pencen                            |           | 1,278,140,644         |
| <b>Wang Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan</b>  |           | <b>2,458,140,644</b>  |
| <b>Pertambahan Bersih Tunai</b>                    |           | <b>1,053,252,477</b>  |
| <b>Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun</b>  |           | <b>11,944,868,744</b> |
| <b>Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun</b> | <b>18</b> | <b>12,998,121,221</b> |

Nota di mukasurat 52 hingga 65 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# Nota Penyata Kewangan

31 Disember 2007

## 1 KEGIATAN UTAMA

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) ditubuhkan pada 1 Mac 2007 di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007, (Akta 662) dengan geran pelancaran sebanyak RM27 juta dari Kerajaan Persekutuan. KWAP bertanggungjawab mengurus dana yang diperolehi dari tiga sumber utama iaitu caruman Kerajaan Persekutuan, caruman badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan, dan pendapatan pelaburan. Bagi menjana pendapatan, dana dilaburkan dalam urusan saham, pinjaman, bon, instrumen pasaran wang, hartanah dan pelaburan-pelaburan lain yang diluluskan oleh Panel Pelaburan. Objektif Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) adalah mengurus dana bagi mencapai pulangan yang optimum ke atas pelaburan bagi membantu Kerajaan Persekutuan dalam membiayai liabiliti pencen yang kian meningkat.

## 2 DASAR PERAKAUNAN

### 2.1 ASAS PERAKAUNAN

Penyata kewangan KWAP telah disediakan mengikut:

- (i) Konvensyen kos sejarah kecuali yang dinyatakan pada polisi kewangan yang lain.
- (ii) Piawaian perakaunan yang sedang berkuatkuasa.

### 2.2 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN SERTA SUSUTNILAI

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada nilai kos selepas ditolak susutnilai yang telah diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan kepada anggaran jangka hayat penggunaan harta-harta tersebut.

Kadar susutnilai hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

|                         |        |
|-------------------------|--------|
| (i) Ubahsuai Bangunan   | 16.67% |
| (ii) Perabot            | 15%    |
| (iii) Peralatan pejabat | 15%    |
| (iv) Komputer           | 20%    |
| (v) Perisian komputer   | 20%    |
| (vi) Kereta             | 20%    |

Nilai baki bersih dan usia penggunaan aset disemak dan diselaraskan jika bersesuaian pada tarikh Lembaran Imbangan. Pada setiap tarikh Lembaran Imbangan, KWAP perlu menilai sama ada terdapat petunjuk penjejasan. Jika terdapat petunjuk penjejasan, analisa perlu dilakukan bagi menilai sama ada nilai dibawa aset boleh diperolehi semula dengan sepenuhnya. Rugi Terjejas akan diperuntukkan jika nilai dibawa melebihi nilai diperolehi seperti dinyatakan di Nota 2.3.

### 2.3 PENJEJASAN ASET

Aset yang tidak mempunyai usia penggunaan adalah tidak tertakluk kepada pelunasan dan dinilai untuk penjejasan setiap tahun. Aset yang tertakluk kepada pelunasan akan disemak untuk penjejasan apabila peristiwa atau berlaku perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai dibawa berkemungkinan tidak akan diperolehi.

Rugi Terjejas diiktiraf apabila nilai dibawa aset melebihi nilai diperolehi. Nilai diperolehi adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset ditolak kos jualan atau nilai diguna.

## 2 DASAR PERAKAUNAN samb.

### 2.3 PENJEJASAN ASET samb.

Bagi tujuan menilai penjejasan, aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan.

Rugi Terjejas akan dicaj di Penyata Pendapatan. Bagi aset-aset lain, jika terdapat sebarang kenaikan dalam amaun yang akan diperolehi, ianya diiktirafkan di Penyata Pendapatan kecuali terdapat pembalikan rugi terjejas atas aset yang dinilai semula di mana ianya akan diambil kira ke Lebihan Penilaian Semula.

### 2.4 PELABURAN

Elaun rosot nilai ke atas pelaburan dalam saham tersiar harga kecuali portfolio pengurus dana adalah seperti berikut:

#### (i) Pendedahan Nilai Pelaburan Saham Tersiar Harga Di Penyata Kewangan

Pelaburan Saham Tersiar Harga hendaklah didedahkan di penyata kewangan pada nilai kos atau nilai pasaran, mana yang terendah berdasarkan kaunter secara individu pada setiap akhir tahun kewangan iaitu pada 31 Disember setiap tahun. Nilai kos ditentu berdasarkan harga belian bersih saham. Manakala nilai pasaran adalah berdasarkan pada harga penutup saham pada akhir tahun Lembaran Imbangan iaitu pada 31 Disember setiap tahun.

#### (ii) Penentuan Elaun Rosot Nilai

Pengiraan elaun rosot nilai belum direalisasi dikira berdasarkan kaunter secara individu dan diperuntukkan elaun rosot nilai pelaburan sebanyak 100% setiap tahun ke atas jumlah kerugian belum direalisasi pada tarikh berakhir sesuatu tempoh kewangan.

Sekiranya harga pasaran pelaburan saham tersiar harga lebih rendah daripada kos pelaburan saham tersiar harga, kerugian belum direalisasi diukur sebagai perbezaan di antara kos dan harga penutup pasaran saham pada setiap akhir tahun iaitu pada 31 Disember setiap tahun. Nilai buku saham tersiar harga akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun rosot nilai. Kerugian belum direalisasi tersebut akan dicaj sebanyak 100% ke Penyata Pendapatan bagi tahun tersebut.

Sekiranya dalam tahun berikutnya saham tersebut telah dijual atau harga pasaran saham lebih tinggi daripada kos, maka kerugian belum direalisasi tersebut akan dipelarasakan sebagai pendapatan. Amaun pelarasan semula sebagai pendapatan adalah terhad kepada baki elaun rosot nilai yang telah diperuntukkan.

#### (iii) Perakaunan Jualan Pelaburan Saham Tersiar Harga

Perbezaan di antara nilai bersih jualan (*net disposal proceeds*) dan nilai di penyata kewangan atas jualan adalah dicaj / dikreditkan ke dalam Penyata Pendapatan bagi tahun tersebut.

## 2 DASAR PERAKAUNAN samb.

### 2.5 CARUMAN PENCEN

Caruman pencen diambil kira apabila caruman tersebut diterima.

### 2.6 PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN

Pendapatan diambil kira berasaskan prinsip akruan.

### 2.7 CUKAI

KWAP dikecualikan daripada cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967.

### 2.8 SEWA KEWANGAN

Aset yang diperolehi di bawah perjanjian sewa kewangan dipermodalkan pada kos belian dan disusutnilaikan pada asas yang sama seperti aset yang telah dimiliki. Jumlah amaun yang tertunggak di bawah perjanjian sewa kewangan telah dimasukkan di bawah pemiutang sewa kewangan.

### 2.9 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai setara adalah berjangka pendek dan mempunyai kecairan yang tinggi dengan tempoh kematangan dalam tempoh 1 tahun dari tarikh mula pegangan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada baki tunai di tangan dan di bank, serta deposit di institusi kewangan yang berlesen yang tidak digunakan sebagai cagaran.

### 2.10 MANFAAT PEKERJA

#### Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diambil kira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana pekerja menyumbang perkhidmatan mereka. Cuti pampasan terkumpul untuk jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar akan diambil kira apabila pekerja telah menyumbangkan perkhidmatan mereka yang mana akan meningkatkan kelayakan mereka untuk mendapat cuti pampasan pada masa akan datang manakala cuti pampasan tidak terkumpul untuk jangka masa pendek seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran pekerja berlaku.

#### Pelan caruman wajib

Sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang, KWAP membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

### 2.11 OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

KWAP terdedah kepada pelbagai risiko kewangan termasuk risiko kredit, risiko kecairan dan risiko aliran tunai. Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan secara keseluruhan adalah bertujuan memaksimumkan pulangan kepada KWAP.

**2 DASAR PERAKAUNAN** samb.**2.11 OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN** samb.**Risiko Kewangan**

Pengurusan risiko kewangan dilakukan melalui penyemakan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada pengurusan kewangan. Ahli Lembaga Pengarah sentiasa menyemak dan memantau risiko-risiko ini.

**Risiko Kredit**

KWAP memastikan risiko kredit adalah terkawal dengan membuat pemantauan berterusan terhadap kedudukan kewangan dan prestasi kredit *counter parties*.

**Risiko Kecaikan Dan Aliran Tunai**

KWAP mengurus risiko kecairan dan aliran tunai dengan memastikan tunai yang mencukupi dan menyediakan dana yang cukup bagi memenuhi anggaran komitmen daripada perbelanjaan operasi dan liabiliti kewangan.

**2.12 GERAN KERAJAAN**

Geran Kerajaan berkaitan dengan pembelian harta diklasifikasikan dalam liabiliti bukan semasa sebagai pendapatan tertunda dan akan dikreditkan ke Penyata Pendapatan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan kepada anggaran jangka hayat penggunaan harta-harta tersebut.

**3 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN**

|                         | Pada<br>01 Mac 2007<br>(RM) | Tambahan<br>(RM) | Jualan<br>(RM) | Pada<br>31 Dis 2007<br>(RM) |
|-------------------------|-----------------------------|------------------|----------------|-----------------------------|
| <b>Kos</b>              |                             |                  |                |                             |
| Pengubahsuaian Bangunan | –                           | 4,342,874        | –              | 4,342,874                   |
| Perabot                 | –                           | 1,409,855        | –              | 1,409,855                   |
| Peralatan Pejabat       | –                           | 570,148          | –              | 570,148                     |
| Komputer                | –                           | 2,075,399        | –              | 2,075,399                   |
| Perisian Komputer       | –                           | 207,652          | –              | 207,652                     |
| Kenderaan               | –                           | 146,808          | –              | 146,808                     |
|                         | –                           | 8,752,736        | –              | 8,752,736                   |

### 3 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN samb.

|                              | Pada<br>01 Mac 2007<br>(RM) | Tambahan<br>(RM) | Jualan<br>(RM) | Pada<br>31 Dis 2007<br>(RM) |
|------------------------------|-----------------------------|------------------|----------------|-----------------------------|
| <b>Susut Nilai Terkumpul</b> |                             |                  |                |                             |
| Pengubahsuaian Bangunan      | –                           | 322,966          | –              | 322,966                     |
| Perabot                      | –                           | 117,361          | –              | 117,361                     |
| Peralatan Pejabat            | –                           | 17,450           | –              | 17,450                      |
| Komputer                     | –                           | 96,486           | –              | 96,486                      |
| Perisian Komputer            | –                           | 2,386            | –              | 2,386                       |
| Kenderaan                    | –                           | 19,002           | –              | 19,002                      |
|                              | –                           | 575,651          | –              | 575,651                     |
| <b>Nilai Buku Bersih</b>     | –                           | 8,177,085        | –              | 8,177,085                   |

Nilai buku bersih bagi hartanah, loji dan peralatan pada 31 Disember 2007 di bawah sewa kewangan adalah berjumlah RM825,692.

### 4 PELABURAN

Berikut adalah ringkasan pelaburan-pelaburan KWAP:

#### 2007

|                                                             | Kos<br>(RM)    | Nilai Buku<br>Bersih<br>(RM) |
|-------------------------------------------------------------|----------------|------------------------------|
| 4.1 Saham Tersiar Harga (Saham Disenarai Di Bursa Malaysia) | 10,131,075,712 | 9,594,645,624                |
| 4.2 Saham Tidak Disenarai                                   | 418,205,830    | 418,205,830                  |
| 4.3 Sekuriti Kerajaan Malaysia                              | 8,741,112,171  | 8,676,503,618                |
| 4.4 Pengurus Dana Ekuiti                                    | 1,414,686,027  | 1,414,686,027                |
| 4.5 Pengurus Dana Bon                                       | 500,000,000    | 500,000,000                  |
| 4.6 Penyertaan Dana Ekuiti Persendirian                     | 60,225,004     | 60,225,004                   |
| 4.7 Pinjaman                                                | 7,443,048,363  | 7,443,048,363                |
| 4.8 Bon Korporat                                            | 5,712,690,230  | 5,855,755,434                |
|                                                             | 34,421,043,337 | 33,963,069,900               |

**4 PELABURAN** samb.**4.1 Saham Tersiar Harga (Saham Disenarai Di Bursa Malaysia)**

Pelaburan KWAP dalam saham disenarai dikategorikan seperti portfolio berikut:

**2007**

|                           | Kos<br>(RM)           | Nilai<br>Pasaran<br>(RM) | Elaun<br>Rosot Nilai<br>(RM) | Nilai Buku<br>Bersih<br>(RM) |
|---------------------------|-----------------------|--------------------------|------------------------------|------------------------------|
| (i) Pegangan Khas         | 3,322,975,681         | 3,296,886,955            | 462,440,526                  | 2,860,535,155                |
| (ii) Utama                | 6,741,176,829         | 8,735,936,031            | 73,122,958                   | 6,668,053,871                |
| (iii) <i>Trading KWAP</i> | 66,923,202            | 67,126,857               | 866,604                      | 66,056,598                   |
| <b>Jumlah</b>             | <b>10,131,075,712</b> | <b>12,099,949,843</b>    | <b>536,430,088</b>           | <b>9,594,645,624</b>         |

**4.2 Saham Tidak Disenarai**

Pelaburan di dalam saham biasa seperti berikut:

**2007**

| Nama Syarikat    | Kos<br>(RM)        | Nilai Buku<br>Bersih<br>(RM) |
|------------------|--------------------|------------------------------|
| ValueCap Sdn Bhd | 16,669,800         | 16,669,800                   |
| Malakoff         | 401,536,030        | 401,536,030                  |
| <b>Jumlah</b>    | <b>418,205,830</b> | <b>418,205,830</b>           |

**4.3 Sekuriti Kerajaan Malaysia**

Pelaburan KWAP dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) adalah seperti berikut:

**2007**

|               | Kos<br>(RM)          | Nilai<br>Pasaran<br>(RM) | Pertambahan<br>Diskaun dan<br>Pengurangan<br>Premium<br>(RM) | Nilai<br>Buku Bersih<br>(RM) |
|---------------|----------------------|--------------------------|--------------------------------------------------------------|------------------------------|
| SKM           | 8,741,112,171        | 8,880,272,586            | [64,608,553]                                                 | 8,676,503,618                |
| <b>Jumlah</b> | <b>8,741,112,171</b> | <b>8,880,272,586</b>     | <b>[64,608,553]</b>                                          | <b>8,676,503,618</b>         |

#### 4 PELABURAN samb.

##### 4.4 Pengurus Dana Ekuiti

KWAP telah melantik enam (6) syarikat pengurus dana untuk mengendalikan portfolio pelaburannya. Jumlah kos pelaburan dan nilai pasaran yang berkaitan adalah seperti berikut:

###### 2007

|                      | Kos<br>(RM)   | Nilai Pasaran<br>(RM) |
|----------------------|---------------|-----------------------|
| Pengurus Dana Ekuiti | 1,414,686,027 | 1,944,487,833         |

##### 4.5 Pengurus Dana Bon

KWAP telah melantik dua (2) syarikat pengurus dana untuk mengendalikan portfolio pelaburannya. Jumlah kos pelaburan dan nilai pasaran yang berkaitan adalah seperti berikut:

###### 2007

|                   | Kos<br>(RM) | Nilai Pasaran<br>(RM) |
|-------------------|-------------|-----------------------|
| Pengurus Dana Bon | 500,000,000 | 512,738,691           |

##### 4.6 Penyertaan Dana Ekuiti Persendirian

Pelaburan-pelaburan tersebut adalah seperti berikut:

###### 2007

|                          | Komitmen<br>(RM)   | Pelaburan<br>(Kos)<br>(RM) |
|--------------------------|--------------------|----------------------------|
| Dana IDB                 | 24,500,000         | 17,747,187                 |
| Dana CMREF 1             | 50,000,000         | 18,749,875                 |
| Dana Actis ASEAN Fund LP | 35,000,000         | 11,594,717                 |
| Dana Lombard Asia III    | 105,000,000        | 12,133,225                 |
| <b>Jumlah</b>            | <b>214,500,000</b> | <b>60,225,004</b>          |

**4 PELABURAN** samb.**4.7 Pinjaman**

KWAP memberi pinjaman kepada agensi-agensi Kerajaan dan sektor korporat. Jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan adalah seperti berikut:

|                                        | 2007<br>(RM)         |
|----------------------------------------|----------------------|
| (i) Pihak Berkuasa dan Perbadanan Awam | 5,381,161,459        |
| (ii) Kerajaan Negeri                   | 261,886,904          |
| (iii) Pinjaman Korporat                | 1,800,000,000        |
| <b>Jumlah</b>                          | <b>7,443,048,363</b> |

**4.8 Bon Korporat**

KWAP telah melanggan bon korporat seperti berikut:

|               | 2007                 |                      |                                           |                      |
|---------------|----------------------|----------------------|-------------------------------------------|----------------------|
|               | Kos                  | Nilai                | Pertambahan<br>Diskaun dan<br>Pengurangan | Nilai                |
|               | (RM)                 | Pasaran<br>(RM)      | Premium<br>(RM)                           | Buku Bersih<br>(RM)  |
| Bon Korporat  | 5,712,690,230        | 5,934,656,824        | 143,065,204                               | 5,855,755,434        |
| <b>Jumlah</b> | <b>5,712,690,230</b> | <b>5,934,656,824</b> | <b>143,065,204</b>                        | <b>5,855,755,434</b> |

**5 PENGHUTANG PERNIAGAAN**

Akaun belum terima pada 31 Disember 2007 adalah seperti berikut:

|                                   | 2007<br>(RM)       |
|-----------------------------------|--------------------|
| Faedah Simpanan Tetap             | 118,515,934        |
| Faedah Sekuriti Kerajaan Malaysia | 121,047,209        |
| Faedah Pasaran Wang Jangka Pendek | 10,374,949         |
| Faedah Pinjaman                   | 90,504,884         |
| Faedah Bon Korporat               | 58,066,254         |
| Pendapatan Pengurus Dana Ekuiti   | 313,114,572        |
| Pendapatan Pengurus Dana Bon      | 15,841,465         |
| Pendapatan Dari Jualan Saham      | 48,492,184         |
| Pendapatan Dividen                | 31,380,732         |
| Meridian Asset Management Sdn Bhd | 7,254,050          |
| <b>Jumlah</b>                     | <b>814,592,233</b> |

## 6 PENGHUTANG PELBAGAI

|                                            | 2007<br>(RM)       |
|--------------------------------------------|--------------------|
| Tuntutan Pembayaran Balik Cukai Pendapatan | 342,218,844        |
| Geran Pelancaran Belum Terima              | 10,000,000         |
| Pelbagai                                   | 389,416            |
| <b>Jumlah</b>                              | <b>352,608,260</b> |

## 7 DEPOSIT, PRABAYAR DAN PENDAHULUAN

|                                               | 2007<br>(RM)     |
|-----------------------------------------------|------------------|
| Pendahuluan Faedah Sekuriti Kerajaan Malaysia | 981,332          |
| Pendahuluan Lain                              | 5,260            |
| Deposit Pelbagai                              | 61,032           |
| Prabayar Pelbagai                             | 55,336           |
| <b>Jumlah</b>                                 | <b>1,102,960</b> |

Struktur kematangan Deposit, Prabayar dan Pendahuluan adalah seperti berikut:

|                                       | 2007<br>(RM)     |
|---------------------------------------|------------------|
| Matang dalam tempoh 12 bulan          | 1,102,960        |
| Matang dalam tempoh melebihi 12 bulan | –                |
|                                       | <b>1,102,960</b> |

## 8 PELABURAN JANGKA PENDEK

KWAP telah membuat peletakan dalam deposit jangka pendek yang mempunyai tempoh kematangan tidak melebihi 12 bulan seperti berikut:

|                     | 2007<br>(RM)  |
|---------------------|---------------|
| Dinyatakan Pada Kos | 5,576,004,282 |
| Nilai Pasaran       | 5,576,004,282 |

**9 SIMPANAN TETAP**

Pelaburan dalam simpanan tetap di institusi-institusi kewangan yang diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia yang mempunyai tempoh kematangan tidak melebihi 12 bulan adalah seperti berikut:

|                     | 2007<br>(RM)  |
|---------------------|---------------|
| Dinyatakan Pada Kos | 6,906,000,000 |
| Nilai Pasaran       | 6,906,000,000 |

**10 WANG TUNAI DAN BAKI BANK**

|                                           | 2007<br>(RM)       |
|-------------------------------------------|--------------------|
| Baki Bank dan Wang Tunai                  | 48,826,164         |
| Akaun Pasaran Wang - Bank Negara Malaysia | 467,290,775        |
| <b>Jumlah</b>                             | <b>516,116,939</b> |

**11 PEMIUTANG PERNIAGAAN**

|                     | 2007<br>(RM)     |
|---------------------|------------------|
| Yuran Pengurus Dana | 977,978          |
| Broker Saham        | 1,594,499        |
| <b>Jumlah</b>       | <b>2,572,477</b> |

**12 PEMIUTANG PELBAGAI**

|                                            | 2007<br>(RM)     |
|--------------------------------------------|------------------|
| Pembekal                                   | 1,653,363        |
| Kakitangan                                 | 5,871            |
| Elaun Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan | 22,000           |
| Tuntutan Bayaran Balik Caruman Majikan     | 976              |
| <b>Jumlah</b>                              | <b>1,682,210</b> |

### 13 PERBELANJAAN TERAKRU

|                                          | 2007<br>(RM)     |
|------------------------------------------|------------------|
| Peruntukan Bonus                         | 2,314,686        |
| Peruntukan Kelab Sukan dan Rekreasi KWAP | 21,474           |
| Peruntukan KWSP Caruman Majikan          | 405,070          |
| Peruntukan Perkhidmatan                  | 103,500          |
| Peruntukan Bayaran Balik JANM            | 163,962          |
| Peruntukan Yuran Pengurus Dana           | 3,607,766        |
| <b>Jumlah</b>                            | <b>6,616,458</b> |

### 14 PEMIUTANG KEWANGAN

|                          | 2007<br>(RM)   |
|--------------------------|----------------|
| Pemiutang Jangka Pendek  | 26,693         |
| Pemiutang Jangka Panjang | 774,086        |
| <b>Jumlah</b>            | <b>800,779</b> |

### 15 PERUNTUKAN KERAJAAN

Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan tahunan kepada KWAP mengikut seksyen 13, Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662). Jumlah peruntukan yang diterima adalah seperti berikut:

|                         | 2007<br>(RM)          |
|-------------------------|-----------------------|
| Baki Awal Tahun         | 13,176,944,312        |
| Tambah:                 |                       |
| Peruntukan Tahun Semasa | 1,180,000,000         |
| <b>Baki Akhir Tahun</b> | <b>14,356,944,312</b> |

**16 CARUMAN PENCEN**

- (i) KWAP menerima caruman pencen bulanan bagi kakitangan tetap bertaraf pencen daripada majikan seperti Pihak Berkuasa Berkanun, Kuasa Tempatan dan agensi di mana pegawai dipinjamkan. Caruman dibuat berdasarkan kadar 17.5% dari gaji hakiki bulanan kakitangan.

|                        | Caruman<br>Terkumpul<br>01 Mac 2007<br>(RM) | Terimaan<br>2007<br>(RM) | Baki<br>31 Dis 2007<br>(RM) |
|------------------------|---------------------------------------------|--------------------------|-----------------------------|
| Badan Berkanun         | 3,489,207,048                               | 311,161,685              | 3,800,368,733               |
| Kuasa Tempatan         | 923,945,905                                 | 76,219,405               | 1,000,165,310               |
| Pegawai Pinjaman       | 48,241,339                                  | 3,107,291                | 51,348,630                  |
|                        | 4,461,394,292                               | 390,488,381              | 4,851,882,673               |
| Tolak:                 |                                             |                          |                             |
| Tuntutan Bayaran Balik | (1,906,945)                                 | (91,240)                 | (1,998,185)                 |
| <b>Jumlah</b>          | <b>4,459,487,347</b>                        | <b>390,397,141</b>       | <b>4,849,884,488</b>        |

- (ii) Berikut adalah caruman bahagian Kerajaan, ganjaran dan potongan lain yang diserahkan kepada KWAP apabila pegawai-pegawai awam bersara atau membuat pengeluaran di bawah Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen dan Skim Pengeluaran Pesara.

|                        | Caruman<br>Terkumpul<br>01 Mac 2007<br>(RM) | Terimaan<br>2007<br>(RM) | Baki<br>31 Dis 2007<br>(RM) |
|------------------------|---------------------------------------------|--------------------------|-----------------------------|
| KWSP                   | 12,971,409,103                              | 695,960,982              | 13,667,370,085              |
| KWSG                   | 142,402,294                                 | 2,365,024                | 144,767,318                 |
| KWSG - Sabah           | 12,479,365                                  | –                        | 12,479,365                  |
| LTAT                   | 2,840,092,343                               | 146,526,207              | 2,986,618,550               |
| SESCO                  | 45,309,082                                  | –                        | 45,309,082                  |
| JPA - Ganjaran         | 591,940,487                                 | 39,699,073               | 631,639,560                 |
| Lain-Lain              | 12,849,492                                  | 13,621,822               | 26,471,314                  |
|                        | 16,616,482,166                              | 898,173,108              | 17,514,655,274              |
| Tolak:                 |                                             |                          |                             |
| Tuntutan Bayaran Balik | (32,886,632)                                | (9,464,893)              | (42,351,525)                |
| <b>Jumlah</b>          | <b>16,583,595,534</b>                       | <b>888,708,215</b>       | <b>17,472,303,749</b>       |

## 17 PENDAPATAN TERTUNDA

### 17.1 GERAN KERAJAAN BERKAITAN DENGAN HARTA

|                                       | 2007<br>(RM) |
|---------------------------------------|--------------|
| Pendapatan Tertunda                   | 8,752,736    |
| Tolak : Pelunasan Pendapatan Tertunda | 575,651      |
| Pendapatan Tertunda Selepas Pelunasan | 8,177,085    |

Geran Pelancaran yang diluluskan oleh Perbendaharaan adalah RM27,000,000. Pecahan penggunaan geran adalah seperti berikut:-

|                                             | 2007<br>(RM) |
|---------------------------------------------|--------------|
| Geran Berkaitan dengan Pembelian Aset Tetap | 8,752,736    |
| Geran Berkaitan dengan Perbelanjaan Operasi | 18,247,264   |
| Jumlah Geran Pelancaran                     | 27,000,000   |

## 18 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai yang dimasukkan dalam Penyata Aliran Tunai adalah terdiri daripada butiran dan amaun yang dilaporkan dalam Lembaran Imbangan seperti berikut:

|                                                   | Nota | 2007<br>(RM)          |
|---------------------------------------------------|------|-----------------------|
| Pelaburan Jangka Pendek dengan Institusi Kewangan | 8    | 5,576,004,282         |
| Simpanan Tetap Dengan Institusi Kewangan          | 9    | 6,906,000,000         |
| Wang Tunai dan Baki Bank                          | 10   | 516,116,939           |
| <b>Jumlah</b>                                     |      | <b>12,998,121,221</b> |

**19 PENDAPATAN**

Pendapatan meliputi hasil daripada aktiviti operasi dan aktiviti pelaburan serta pertambahan akaun peruntukan ke atas pelaburan dan kutipan denda yang dikenakan ke atas peminjam dan majikan yang lewat membuat bayaran atau caruman. Pendapatan yang diterima dalam tempoh dari 1 Mac 2007 hingga 31 Disember 2007 adalah seperti berikut:

|                                                 | 01 Mac 2007 - 31 Dis 2007<br>(RM) |
|-------------------------------------------------|-----------------------------------|
| Faedah Deposit                                  | 272,199,126                       |
| Faedah Dari Baki Bank                           | 130,037,816                       |
| Faedah Pinjaman                                 | 369,484,301                       |
| Faedah Sekuriti Kerajaan Malaysia               | 274,993,532                       |
| Pembalikan Lebihan Elaun Rosot Nilai            | 233,143,673                       |
| Pertambahan Diskaun Pelaburan                   | 22,006,454                        |
| Faedah dan Dividen Bon                          | 189,506,081                       |
| Keuntungan Jualan Bon                           | 151,357                           |
| Keuntungan Jualan Saham                         | 1,381,854,621                     |
| Dividen Saham                                   | 436,006,700                       |
| Pendapatan Pengurus Dana                        | 297,747,608                       |
| Tuntutan Cukai Atas Dividen                     | 134,003,122                       |
| Pendapatan / Keuntungan Modal Dana Persendirian | 5,299,712                         |
| Pelunasan Pendapatan Tertunda                   | 575,651                           |
| Geran Pelancaran                                | 18,247,264                        |
| Pendapatan Pelbagai                             | 2,406,540                         |
| <b>Jumlah</b>                                   | <b>3,767,663,558</b>              |

**20 PERBELANJAAN**

Perbelanjaan meliputi perbelanjaan perkhidmatan, menguruskan pelaburan dan dana KWAP. Perbelanjaan-perbelanjaan dalam tempoh dari 1 Mac 2007 hingga 31 Disember 2007 adalah seperti berikut:

|                                    | 01 Mac 2007 - 31 Dis 2007<br>(RM) |
|------------------------------------|-----------------------------------|
| Emolumen                           | 6,824,505                         |
| Perkhidmatan dan Bekalan           | 10,927,656                        |
| Susutnilai dan Pelunasan Pelaburan | 29,445,415                        |
| Elaun Rosot Nilai Pelaburan        | 866,604                           |
| <b>Jumlah</b>                      | <b>48,064,180</b>                 |

Jumlah pekerja KWAP pada 2007 adalah seramai 93 orang.

**21 MAKLUMAT PERBANDINGAN**

Tiada maklumat perbandingan disediakan kerana ini adalah laporan kewangan yang pertama.

#### **Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)**

Level 6, Menara Yayasan Tun Razak  
200 Jalan Bukit Bintang  
55100 Kuala Lumpur  
Malaysia  
T 603 - 2174 8000  
F 603 - 2163 2050